



**EDISI
3 / 2020**



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

BUKU PANDUAN KEWANGAN

PROGRAM DIPLOMA SEPENUH MASA



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

BUKU PANDUAN KEWANGAN

PROGRAM DIPLOMA SEPENUH MASA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**Diterbitkan oleh:
UTMSPACE**

Pusat Pengajian Diploma SPACE
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra (Semarak)
54100 Kuala Lumpur
No. Telefon: 03-2615 4868
No. Fax: 03-2615 4315
Emel: diploma@utm.my

Edisi Pertama 2016
Edisi Kedua 2019
Edisi Ketiga 2020

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan dalam apa
juga bentuk pun dan dengan apacara juga sama ada elektronik,
fotostat, rakaman, visual atau cara lain, mana-mana bahagian artikel
/ ilustrasi / isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis
daripada UTMSPACE.

SENARAI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
1	STRUKTUR YURAN PENGAJIAN	2-3
2	TEMPOH PEMBAYARAN	3
3	KAEDAH PEMBAYARAN	4
4	JENIS-JENIS DENDA	4
5	TARIK DIRI KURSUS / BERHENTI PENGAJIAN	5
6	TANGGUH PENGAJIAN	5
7	PELAJAR BERPENAJA / MENDAPAT PINJAMAN	5-6
8	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)	6
9	PERBADANAN TABUNG PENGAJIAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	6
10	IMPLIKASI TERHADAP PELAJAR YANG GAGAL MENJELASKAN YURAN	6
11	INSURAN	7

1. STRUKTUR YURAN PENGAJIAN

- 1.1 Yuran dikenakan kepada pelajar adalah seperti Jadual 1.1.

JADUAL 1.1: KADAR YURAN PENGAJIAN SEMESTER LAZIM

PROGRAM	KEJURUTERAAN	BUKAN KEJURUTERAAN	SEBINA
YURAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU <i>(Sekali Dalam Tempoh Pengajian)</i>	RM 1,600.00	RM 1,600.00	RM 1,600.00
YURAN PERKHIDMATAN <i>(Setiap Semester)</i>	RM 650.00	RM 650.00	RM 650.00
YURAN PENGAJIAN <i>(Setiap Semester)</i>	RM 4,800.00	RM 4,480.00	RM 5,376.00
JUMLAH <i>(tidak termasuk yuran asrama)</i>	RM 34,300 <i>(6 semester)</i>	RM 32,380 <i>(6 semester)</i>	RM 31,730 <i>(5 semester)</i>

- 1.2 Pelajar yang mengikuti Semester Pendek atau Semester Lanjutan, yuran dikenakan adalah seperti Jadual 1.2.

JADUAL 1.2: KADAR YURAN SEMESTER PENDEK DAN SEMESTER LANJUTAN

PROGRAM	KEJURUTERAAN	BUKAN KEJURUTERAAN	SEBINA
YURAN PERKHIDMATAN <i>(Setiap Semester)</i>	RM 650.00	RM 650.00	RM 650.00
YURAN PENGAJIAN <i>(Per Kredit)</i>	RM 200.00	RM 200.00	RM 200.00

- 1.3 Pelajar yang Ulang Kursus dan Ulang Gred pada Semester Pendek dan Semester Lanjutan, yuran dikenakan adalah seperti Jadual 1.2.
- 1.4 Pelajar yang daftar Ulang Kursus pada Semester dalam tempoh Lazim dan kursus tersebut ditawarkan pada semester berkenaan, tiada yuran pengajian yang dikenakan.
- 1.5 Pelajar yang Ulang Gred bagi kursus lulus (B- dan ke bawah) yang didaftarkan pada Semester dalam tempoh Lazim, yuran pengajian yang dikenakan adalah RM 75.00 per kredit dan tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar TD (Tarik Diri) kursus tersebut.

- 1.6 Pelajar yang berdaftar tahun akhir (Semester Lanjutan) yang telah menyempurnakan semua syarat-syarat kursus kecuali Latihan Industri dikehendaki menjelaskan semua yuran kecuali yuran pengajian bagi semester berkenaan.

2. TEMPOH PEMBAYARAN

Tempoh-tempoh pembayaran adalah seperti berikut :-

2.1 Tempoh Pembayaran I (Pelajar Baharu Sahaja)

- 2.1.1 Pembayaran Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu MESTI dijelaskan di antara tempoh terima tawaran kemasukan sehingga hari pendaftaran pelajar baru.

2.2 Tempoh Pembayaran II

- 2.2.1 Bagi Semester Lazim – Pembayaran Yuran Pengajian semester semasa MESTI dijelaskan dalam tempoh Minggu Pertama sehingga Minggu Keempat kuliah.
- 2.2.2 Bagi Semester Pendek – Pembayaran Yuran Pengajian semester semasa MESTI dijelaskan sebelum atau semasa membuat pendaftaran kursus semester berkenaan. Pelajar yang TD (Tarik Diri) kursus tidak dibenarkan membuat tuntutan bayaran yuran.
- 2.2.4 Pelajar yang gagal melunaskan jumlah keseluruhan yuran tertunggak dalam Tempoh Pembayaran II akan dikenakan denda ‘Lewat Buat Bayaran’ sebanyak RM 3 sehari, maksimum 28 hari (RM84).

2.3 Tempoh Pembayaran III

- 2.3.1 Pelajar Baharu – Pembayaran Yuran Perkhidmatan mesti dijelaskan selewat-lewatnya pada hari pendaftaran.
- 2.3.2 Pelajar Kanan – Pembayaran Yuran Perkhidmatan untuk semester berikutnya MESTI dijelaskan dalam tempoh Minggu Kelima sehingga Minggu Kesembilan kuliah semester semasa .
- 2.3.3 Pelajar yang mengikuti Semester Pendek hendaklah menjelaskan yuran perkhidmatan yang dikenakan ke atas mereka sebelum atau semasa membuat pendaftaran kursus semester berkenaan. Pelajar yang TD (Tarik Diri) kursus tidak dibenarkan membuat tuntutan bayaran yuran.

3. KAEDAH PEMBAYARAN

- 3.1 Tunai/cek/kredit atau debit kad
Pembayaran secara tunai /cek/kad kredit a tau debit di kaunter Bahagian Kewangan, UTMSPACE KUALA LUMPUR/JOHOR BHARU
- 3.2 Pembayaran secara Atas Talian (Online)
Pembayaran secara atas talian di <https://pupw.utmspace.edu.my/dipacc>
- 3.3 Deposit tunai/cek
Deposit tunai /cek melalui Mesin Deposit Tunai/Cek di cawangan CIMB Bank atas nama UTMSPACE, nombor akaun CIMB 8600057743
- 3.4 Pindahan tunai
Pindahan tunai melalui CIMB cliks/Maybank2u/DLL atas nama UTMSPACE, nombor akaun CIMB 8600057743

Pihak pelajar hendaklah memastikan slip/bukti pembayaran beserta nama dan nombor kad pengenalan pelajar di hantar kepada Bahagian Kewangan UTMSPACE KUALA LUMPUR selepas pembayaran dibuat melalui e-mel di bkwk1@utmspace.edu.my

4. JENIS-JENIS DENDA

JADUAL 4.1: JENIS DAN KADAR DENDA

BIL	JENIS DENDA	KADAR (RM)
1	Denda Lewat Daftar Kursus	100
2	Denda Lewat Buat Bayaran	3 / hari (≤ 84)
3	Denda Lewat Mohon Anugerah	50
4	Denda Tidak Layak Mohon Anugerah	50
5	Denda Tidak Mengaktifkan Status Pengajian	50
6	Denda Lewat Pembetulan Kursus	50/ kursus Maksimum : RM 300.00

5. TARIK DIRI KURSUS / BERHENTI PENGAJIAN

JADUAL 5.1: TEMPOH DAN PERATUS YURAN DIKENAKAN

TEMPOH	YURAN PERKHIDMATAN	YURAN PENGAJIAN
Minggu Pertama Sehingga Minggu Ke Empat Pengkuliahan	100%	50%
Minggu Ke Lima Sehingga Minggu Ke Sembilan Pengkuliahan	100%	75%
Selepas Minggu Ke Sembilan Pengkuliahan	100%	100%

- 5.1 Caj Yuran Perkhidmatan dan Yuran Pengajian yang dikenakan merujuk kepada tarikh permohonan untuk berhenti / tarik diri seperti di Jadual 5.1.
- 5.2 Baki yuran tertunggak perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat kelulusan pemberhentian dikeluarkan.
- 5.3 Pemulangan lebihan yuran adalah tertakluk kepada kelulusan UTMSPACE (sekiranya ada) dan dilakukan dalam tempoh 30 hari setelah penyelarasan keseluruhan yuran dilakukan.
- 5.4 Sekiranya tiada maklum balas atau tiada tuntutan berkaitan lebihan yuran (sekiranya ada) daripada pelajar dalam tempoh 30 hari setelah penyelarasan keseluruhan yuran dilakukan, lebihan yuran akan dihapuskan tanpa sebarang notis pemakluman.

6. TANGGUH PENGAJIAN

- 6.1 Pelajar yang menangguh pengajian pada Semester I atau II Sesi xx/xx dikehendaki membayar semua yuran (Rujuk Jadual 1.1). Walau bagaimanapun caj yuran yang dikenakan seperti Jadual 5.1.

7. PELAJAR BERPENAJA / MENDAPAT PINJAMAN

- 7.1 Pelajar yang mendapat tajaan perlu menghantar salinan surat tawaran penajaan biasiswa/pinjaman kepada Bahagian Kewangan UTMSPACE.
- 7.2 Pelajar yang telah tamat penajaan biasiswa / pinjaman perlu menjelaskan sendiri semua bayaran.

- 7.3 Pemulangan lebihan yuran pelajar hanya dibuat bagi pembayaran pelajar terdahulu sahaja **DAN** mendapat kelulusan daripada pihak penaja.

8. KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

- 8.1 Pelajar/ibubapa boleh membuat pengeluaran simpanan KWSP bagi membiayai yuran pengajian.
- 8.2 Permohonan secara atas talian di laman sesawang KWSP i-Akaun KWSP ahli dipautan <https://secure.kwsp.gov.my/member/login>

9. PERBADANAN TABUNG PENGAJIAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

- 9.1 Pelajar boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN bagi membiayai yuran pengajian.
- 9.2 Pelajar perlu memohon sendiri secara atas talian di www.ptptn.gov.my

10. IMPLIKASI TERHADAP PELAJAR YANG GAGAL MENJELASKAN BAYARAN

Pelajar yang gagal menjelaskan semua bayaran di dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan berikut: -

- 10.1 Denda;
- 10.2 Tidak dibenarkan membuat pendaftaran;
- 10.3 Tidak dibenarkan menduduki peperiksaan;
- 10.4 Ditahan keputusan peperiksaan;
- 10.5 Tidak dibenarkan menghadiri kuliah;
- 10.6 Ditahan transkrip dan sijil;
- 10.7 Tidak dibenarkan menghadiri Majlis Konvokesyen UTM.

11. INSURAN

- 11.1 UTMSPACE telah menyediakan 'INSURAN PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK' bagi kemudahan pelajar.
- 11.2 Jenis perlindungan dan kadar pampasan adalah tertakluk kepada perjanjian polisi insuran.
- 11.3 Borang tuntutan boleh didapati di pejabat UTMSPACE Johor Bahru dan Kuala Lumpur sahaja

Semua maklumat dalam buku panduan ini adalah benar pada masa ia di cetak dan UTMSPACE berhak membuat sebarang pindaan apabila dianggap perlu tanpa membuat pengumuman terlebih dahulu. (Tarikh Kkuatkuasa : 1 Mei 2019).

<http://space.utm.my/diploma>